



KENYATAAN MEDIA

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

SASARAN 70% PREMIS DI 17 PPR LAKSANA PROGRAM KOMUNITI SIFAR SISA (KOSIS) MENJELANG 2025

JOHOR BAHRU, 15 OKTOBER 2023 - Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menganjurkan Majlis Perasmian Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) : Inisiatif Program Perumahan Rakyat (PPR) Sifar Sisa Bersamamu MADANI (SSBM). Majlis ini disempurnakan oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan bertempat di Pusat Komuniti PPR Desa Mutiara, Johor Bahru.

YB Timbalan Menteri KPKT memaklumkan bahawa objektif PKKB adalah untuk menyebarkan luas manfaat dari sudut pengukuhan modal insan yang lebih mampan melalui pelaksanaan program-program komuniti bandar di seluruh negara. Pelaksanaan PKKB juga adalah untuk mencapai objektif di bawah 3 Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDGs*) iaitu:

1. SDG 3: Memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur;
2. SDG 11: Menjadikan bandar dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan; serta
3. SDG 16: Menggalakkan masyarakat yang aman dan menyeluruh untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh pada semua peringkat.

KPKT melalui SWCorp telah menggariskan lima matlamat bagi Inisiatif Komuniti PPR Sifar Sisa Bersamamu MADANI iaitu:

1. SWCorp mensasarkan sebanyak 70% premis di 17 PPR melaksanakan Program Komuniti Sifar Sisa (KOSIS) menjelang 2025;
2. Sasaran kadar kitar semula sebanyak 40% menjelang 2025;
3. Digitalisasi kitar semula seiring dengan perkembangan pesat teknologi maklumat;
4. Meningkatkan pendapatan golongan B40; serta
5. Kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Pelaksanaan inisiatif Pusat KOSIS di PPR Desa Mutiara, Johor Bahru telah diperkenalkan pada Mac 2020 dengan penglibatan 864 unit atau 43.2% premis berpenghuni. Dari tahun 2020 hingga September 2023, sebanyak 18,155.7 kilogram barang kitar semula telah berjaya dikumpulkan, termasuk juga 1,328.70 kilogram minyak masak, 1,533.75 kilogram fabrik dan 758 kilogram sisa makanan dengan nilai jualan keseluruhan berjumlah RM9,478.59 sepanjang tempoh pelaksanaan program ini.

Berdasarkan rekod, sebanyak 46.6% daripada keseluruhan premis di 17 PPR telah mendaftar dalam Program KOSIS. Jumlah tersebut adalah bersamaan 6,333 unit premis berdaftar dengan Pusat KOSIS dari tahun 2020 sehingga tahun 2023 (sehingga Ogos). Peningkatan dari segi kekerapan penerimaan barangan kitar semula daripada penduduk di semua 17 PPR berkaitan juga semakin meningkat di mana pada tahun 2022 sebanyak 9,769 transaksi manakala pada tahun 2023 (sehingga Ogos) sebanyak 15,429 transaksi. Data kekerapan penerimaan barangan kitar semula daripada penduduk membuktikan bahawa penduduk di 17 PPR berkaitan telah menyambut baik pelaksanaan Program KOSIS yang bermanfaat ini.

YB Timbalan Menteri KPKT turut memaklumkan, sebagai nilai tambah kepada Program PKKB pada hari ini, sebanyak 5 unit perpustakaan mini atau 'Mini Kuru-kuru Library' yang direka khas menggunakan kayu pallet terpakai diletakkan di lima lokasi terpilih di sekitar PPR ini. Ianya selaras dengan penerapan dan pembudayaan amalan kitar semula dalam kalangan penduduk PPR khususnya. Penyediaan 'Mini Kuru-kuru Library' adalah bermatlamat untuk memperkasakan amalan *reuse* iaitu guna semula di samping dapat memupuk pembudayaan membaca dalam kalangan komuniti setempat.

Usaha ini adalah bertepatan dengan nilai teras Malaysia MADANI iaitu “kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan”. Inisiatif ini menekankan konsep penglibatan secara langsung serta kerjasama antara komuniti PPR yang berbilang bangsa dengan agensi Kerajaan dalam usaha mewujudkan budaya amalan kitar semula.

.....

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh : 15 Oktober 2023

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Sumatra a/p Appavoo

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

e-mel: sumatra@swcorp.my